Search Newspapers
Browse Newspapers
I am looking for
Advanced Search



# Peneroka2 tanah haram di-Sungai Ramal? Tak benar

Berita Harian, 14 November 1967, Page 7
Article also available on Microfilm Reel NL5342

Add to Citation



Peneroka2 tanah haram di-Sungai Ramal? Tak benar

AHLI UMNO,
Sungai Ramal, Kajang, Selangor.

SAYA salah sa-orang dari ahli UMNO Sungai Ramal menchabar "Ahli2 UMNO Kajang" yang telah menulis dalam Berita Harian, 3 November, 1967 di-ruangan "Surat2 dari Pembacha" mengatakan bahawa di-Sungai Ramal juga peneroka2 telah membuka tanah dengan sa-chara haram.

Saya suka menasihatkan kapada "Ahli2 UMNO Kajang" sa-belum-nya menulis dalam surat khabar yang berharga ini molek-lah bertanya terlebeh dahulu kapada pegawai2 yang berkenaan dengan tanah atau pun kapada Dato' Penghulu mukim ...

Information
Newspaper: Berita Harian
Date: 14 November 1967
Reel Number: NL5342

Table of Contents

< Previous | Page 7 | Next >

Ustaz bukan-nya malaikat tapi manusia biasa
Ustaz bukan-nya malaikat tapi manusia biasa SURAT2 dari PEMBACHA j H. SIDEK DAUD Klnang. Johor

UMNO PAHANG SELATAN MENJAWAB SATAR
UMNO PAHANG SELATAN MENJAWAB SATAR HJ. MOHD. YUSOF BIN HJ. LONG Setia I saha l'MNO

ALBAR TAK AKAN BERTANDING P-RAYA...
ALBAR TAK AKAN BERTANDING P-RAYA... BARU2 ini

View Full Table of Contents

mukim sama ada benar atau tidak perkara itu berlaku.

Dengan chara ini tidak-lah akan menyinggong hati ahli2 UMNO di-Sungai Ramal ini.

Ada-kah "Ahli2 UMNO Kajang" tahu bahawa di-tempat ini tidak ada tanah kerajaan yang boleh di-teroka, hanya yang tinggal tanah tapak perumahan sahaja.

Mengapa pula "Ahli2 UMNO Kajang" berharap pada wakil ra'ayat kawasan ini supaya memberikan perhatian dan bertindak, pada hal pegawai yang bertanggong jawab dalam perkara ini ada.

Jikalau benar berlaku mengapa "Ahli2 UMNO Kajang" tidak terus berjumpa dengan pegawai daerah yang bertanggong jawab untok mengambil tindakan.

## Related Articles

No related article found.